

# Sikap Terhadap Penggunaan Powtoon Dalam Pembelajaran: Tinjauan Ke Atas Pelajar Politeknik Kota Kinabalu

Lucian Zaratang<sup>1\*</sup>, Norinah Garangon<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Politeknik Kota Kinabalu, 88460 Kota Kinabalu, Sabah

\* Corresponding author: [lucian@polikk.edu.my](mailto:lucian@polikk.edu.my) , [norinah@polikk.edu.my](mailto:norinah@polikk.edu.my)

Received: 15 December 2023 | Accepted: 10 February 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2024.6.1.23>

**Abstrak:** Sejak kebelakangan ini, PowToon dilihat banyak digunakan dalam menyampaikan sesuatu maklumat kepada orang ramai seperti yang boleh diperhatikan di dalam television seperti penerangan mengenai perbankan, produk, COVID-19 dan lain-lain lagi. Ini disebabkan terdapat unsur animasi kartun yang menarik dan menghiburkan. Persoalan yang timbul adalah, adakah PowToon juga sesuai untuk pembelajaran? Justeru itu kajian perlu dijalankan untuk melihat tahap penggunaan dan sikap pelajar terhadap penggunaan PowToon dalam pembelajaran. Seramai 128 pelajar telah memberi maklum balas melalui borang soal selidik yang diedarkan. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Hasil dapatan menunjukkan majoriti mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan PowToon dalam pembelajaran, namun masih terdapat sebilangan yang bersikap negatif terhadap penggunaan PowToon untuk pembelajaran. Reaksi daripada pelajar penting untuk menilai semula keberkesanan pengajaran menggunakan aplikasi PowToon.

**Kata Kunci:** PowToon, pembelajaran, sikap pelajar

**Abstract:** Lately, PowToon seems to be extensively used to convey information to the masses as been seen in television for instances banking information, products, COVID-19 etc. This is due to the elements of interesting and exciting cartoon animations. The question is, is PowToon suitable for education? Hence, research is conducted to study the applications and student's behavior toward PowToon in education. A total of 128 students responded to survey. The data analysed descriptively. Most of the student have positive behavior towards PowToon in learning, while a few have negative. The feedback from students is important to reevaluate the effectiveness of teaching using Powtoon.

**Keywords:** PowToon, learning, student's behavior

## 1. Pendahuluan

Menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran menjadikan pensyarah sebagai sumber ilmu sepenuhnya menjadikan suasana pengajaran bahasa pasif, eksplisit dan tidak kontekstual yang dilihat oleh sebagai tidak sesuai untuk keperluan pedagogi golongan pelajar muda (Pinter, 2006). Oleh itu, banyak kaedah, teknik, lagu dan visual digunakan di dalam kelas untuk mengajar untuk memastikan motivasi dan pembelajaran bahasa Inggeris dan mengekalkannya walaupun di luar kelas. Salah satu program animasi yang sesuai. PowToon mesra pengguna yang membolehkan pensyarah boleh membuat persembahan

mereka sendiri yang memenuhi keperluan pelajar mereka dan bukannya terus mencari video yang sesuai dan telah siap diletakkan dalam aplikasi tersebut. Sementara itu, menurut (Syafitri, Asib & Sumardi, 2018), PowToon adalah perisian animasi berasaskan web yang membolehkan tenaga pengajar membuat persembahan animasi dengan cepat dan mudah dengan memanipulasi objek yang telah dibuat sebelumnya, gambar atau video yang diimport, dengan memasukkan muzik dan suara yang dibuat pengguna menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan menyenangkan bagi golongan pelajar. Namun begitu walaupun terdapat banyak kelebihan PowToon untuk pembelajaran, tetapi tidak semua golongan mempunyai sikap yang positif terhadap PowToon disebabkan perlunya kemahiran dan juga data internet. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk menilai sikap pelajar terhadap PowToon. Kajian ini mengambil pelajar Politeknik Sabah kerana kelajuan internet merupakan salah satu isu di pedalaman Sabah.

## **2. Sorotan Kajian**

Menurut Syafitri, Asib & Sumardi (2018), penggunaan multimedia aras tinggi seperti animasi akan menjadikan pelajar lebih dekat dengan situasi autentik di mana pembelajaran secara serentak melibatkan mendengar, menonton, merenung, melakukan dan mengambil bahagian dalam pembelajaran dapat dilaksanakan. Namun begitu, PowToon juga mempunyai kelemahan. Antara kelemahannya adalah pembentangan menggunakan PowToon kurang berkesan, kerana pengajaran dan pembelajaran menggunakan media PowToon memerlukan alat sokongan. Sebagai contoh, kawasan yang terbatas untuk proses pembelajaran, kerana media PowToon untuk menggunakan alat sokongan seperti komputer riba, projektor LCD (Afkar, 2019).

Sikap sememangnya diterima sebagai konsep penting untuk memahami tingkah laku manusia dan didefinisikan sebagai keadaan mental yang merangkumi kepercayaan dan perasaan (Latchanna & Dagnev, 2009). Justeru kepercayaan mengenai pembelajaran menggunakan PowToon adalah penting. Menurut Lennartsson (2008), kepercayaan pelajar boleh menjadi halangan sekiranya mereka percaya bahawa mereka tidak dapat belajar sesuatu mata pelajaran dengan jayanya. Sikap negatif terhadap PowToon boleh menyebabkan halangan menggunakan PowToon. Tetapi menurut Oroujlou & Vahedi (2011) sikap seseorang juga dapat berubah, sebagai contoh sikap negatif seseorang pelajar dapat berubah menjadi positif dan memudahkan mendapat hasil yang positif. Mempunyai sikap positif terhadap PowToon merupakan peramal terhadap kecenderungan untuk menggunakan PowToon dalam aktiviti pembelajaran seperti pembentangan.


## **3. Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan. Kajian ini di jalankan di salah satu Institusi Pengajian Tinggi di Sabah iaitu Politeknik Kota Kinabalu. Seramai 128 pelajar terlibat dalam kajian ini. Kaedah pungutan data adalah menggunakan teknik pensampelan random. Instrumen yang digunakan untuk memungut data adalah borang soal selidik. Item-item pemboleh ubah niat dalam borang selidik adalah adaptasi dari Ajzen (2006) yang diukur menggunakan skala likat (iaitu nilai 1: Sangat tidak setuju, 2: Tidak setuju, 3: Tidak pasti, 4: Setuju, 5: Sangat setuju). Dapatan kajian ini akan dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS Versi 15.

## 4. Hasil Kajian

### a) Demografi responden

Seramai 128 pelajar telah terlibat dalam penyelidikan ini. Daripada jumlah tersebut, 49.2 % sampel daripada kalangan lelaki dan selebihnya adalah perempuan sebanyak 50.8 %. Majoriti responden yang menjawab soal selidik ini adalah daripada kumpulan pelajar yang memperoleh HPNM antara 3.00 hingga 3.65 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: HPNM responden

### b) Ujian Kebolehpercayaan (Reliability Test) dan kenormalan

Cronbach's alpha biasa digunakan untuk melihat kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam (Cronbach, 1951). Menurut Taber (2018), alpha biasanya dilaporkan untuk mengukur pembolehubah sikap dan konstruk afektif yang lain. Hasil ujian kebolehpercayaan item dalam kajian ini mendapati nilai adalah 0.808, di mana nilai ini melepasi standard julat 'Cronbach's Alpha' yang melebihi 0.7, iaitu nilai pekali kebolehpercayaan yang melebihi 0.7 dianggap sebagai mencukupi. Hasil ujian kenormalan juga mendapati semua data adalah bertaburan normal. Julat normal dikira jika nilai kurtosis dan kurtosis berada di dalam julat  $\pm 3.00$  di mana jika nilai yang diperolehi adalah  $> 3$  atau  $< -3$  maka item tersebut berada di dalam taburan normal (Kline 2005).

### c) Analisis penggunaan dan sikap terhadap PowToon

Jadual 1: Tahap penggunaan dan sikap terhadap PowToon dalam kalangan pelajar

Item kajian	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min	Sisihan Piawai
<b>Bahagian A: Penggunaan PowToon dalam kalangan pelajar</b>							
A1. Saya tidak pernah menggunakan PowToon.	29	13	17	24	45	<b>3.34</b>	1.58
	22.7	10.2	13.3	18.8	35.2	(Sederhana)	
A2. Saya pernah mencuba menggunakan PowToon, tetapi masih tidak mahir	46	24	23	16	19	<b>2.52</b>	1.46
	35.9	18.8	18.0	12.5	14.8	(Rendah)	
A3. Saya selalu menggunakan PowToon	63	36	15	4	10	<b>1.92</b>	1.20
	49.2	28.1	11.7	3.1	7.8	(Lemah)	

<b>Bahagian B: Sikap pelajar terhadap PowToon</b>							
B1. Penggunaan PowToon untuk pembelajaran adalah idea yang baik.	6	9	47	39	27	<b>3.56</b> (Sederhana)	1.05
	4.7	7.0	36.7	30.5	21.1		
B2. Menggunakan PowToon untuk pembentangan adalah idea yang bijak.	9	7	45	44	23	<b>3.51</b> (Sederhana)	1.07
	7.0	5.5	35.2	34.4	18.0		
B3. Saya suka menggunakan PowToon	12	23	59	20	14	<b>3.01</b> (Sederhana)	1.08
	9.4	18.0	46.1	15.6	10.9		
B4. Saya seronok melihat video-video PowToon yang dihasilkan	30	23	27	22	26	<b>2.93</b> (Rendah)	1.45
	23.4	18.0	21.1	17.2	20.3		

\*Item yang dicondongkan adalah nilai peratus

Berdasarkan kepada Jadual 1, terdapat dua bahagian penilaian iaitu tahap penggunaan PowToon dalam kalangan pelajar dan sikap pelajar terhadap PowToon. Untuk bahagian A, majoriti responden tidak pernah menggunakan PowToon (min 3.34). Terdapat dalam kalangan pelajar pernah mencuba PowToon tetapi masih lagi tidak mahir (min 2.52). Manakala bagi item “Saya selalu menggunakan PowToon”, hasil dapatan menunjukkan masih di tahap yang lemah (min 1.92). Keadaan ini mungkin disebabkan penggunaan PowToon berkait rapat dengan data internet, justeru ini merupakan halangan bagi sebahagian pelajar yang mempunyai kuota internet yang terhad. Bagi item-item di bahagian B, majoriti responden masih mempunyai sikap yang sederhana terhadap PowToon, di mana walaupun sebahagian mempunyai sikap positif terhadap PowToon, tetapi masih lagi ramai responden yang bersikap negatif terhadap penggunaan PowToon. Bagi jawapan yang tidak pasti ini selari dengan jawapan pada bahagian A di mana kemungkinan mereka tidak pernah menggunakan atau tidak tahu apa sebenarnya PowToon.

## 5. Kesimpulan

Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan pelajar mengenai PowToon. Hasil kajian mendapati masih lagi ramai pelajar yang tidak mengetahui tentang PowToon. Ini menunjukkan bahawa penggunaan PowToon dalam kalangan pelajar masih rendah, begitu juga di dalam pengajaran dan pembelajaran belum lagi meluas. Senario ini mungkin disebabkan oleh kebergantungan aplikasi PowToon yang memerlukan data internet. Terdapat kajian yang menerangkan kebaikan PowToon dalam pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Semaan & Ismail (2018) yang menggunakan aplikasi PowToon dalam subjek Inggeris telah memberikan hasil positif pada tahap penglibatan, pemahaman dan keputusan bahasa Inggeris pelajar. Dapatan tersebut juga menunjukkan, para pelajar dapat fokus untuk keseluruhan sesi ketika menggunakan video PowToon, dan kemudian mereka dapat membuat video PowToon mereka sendiri. Justeru itu, sebagai tambahan kepada kaedah pengajaran, PowToon dilihat sangat sesuai untuk pembelajaran di luar kelas, lebih-lebih lagi semasa Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan penularan pandemic COVID-19, di mana berkumpul beramai-ramai dan pertemuan fizikal adalah tidak digalakkan.

## Rujukan

- Afkar, D. W. (2019). *An analysis Powtoon as media for teaching english writing for Junior High School Students* (Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya)
- Ajzen, I. (1985). From intention to actions: a theory of planned behaviour. In J. Kuhl & J. Beckmann (Ed.), *Action Control: From Cognition to Behaviour* (11-39). Berlin, New York: Springer
- Ajzen, I. (2006). Constructing a theory of planned behavior questionnaire.
- Cronbach, L. J. (1951). Coefficient alpha and the internal structure of tests. *Psychometrika*, 16(3), 297–334. doi:10.1007/bf02310555.
- Edmons, T.J., 8Branch, R. M. (2002). *Survey of Instructional Development Models* (4th ed). Syracuse, NY: Eric CleareingHouse on Information.
- Kline, R. B. (2005). *Principles and practice of structural equation modeling* 2nd ed. *New York: Guilford*.
- Latchanna, G. & Dagnev, A. (2009). Attitude of teachers towards the use of active learning methods. *E-journal of All India Association for Educational Research*, 21(1), <http://www.ejournal.aiaer.net/vol21109/12.%20Latchana%20&%20Dagnev.pdf>
- Lennartsson, F. (2008). Students' motivation and attitudes towards learning a second language: British and Swedish students' points of view. <http://urn.kb.se/resolve?urn=urn:nbn:se:vxu:diva-2571>.
- Muhamad, A., Adnan, M. N., & Mohamed, M. A. (2017). Pembelian Produk Tiruan di Malaysia: Pengaruh Sikap Dan Niat Pengguna. *International Journal of Accounting, Finance and Business*. 2 (5), 152-162.
- Oroujlou, N., & Vahedi, M. (2011). Motivation, attitude, and language learning. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 29, 994-1000.
- Pinter, A. (2006). *Teaching young language learners*. Oxford: Oxford University Press
- Semaan, C., & Ismail, N. (2018). The effect of Using Powtoon on Learning English As a Foreign Language.
- Syafitri, A., Asib, A., & Sumardi, S. (2018). An application of Powtoon as a digital medium: Enhancing students' pronunciation in speaking. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 5(2), 295-317.
- Taber, K. S. (2018). The use of Cronbach's alpha when developing and reporting research instruments in science education. *Research in Science Education*, 48(6), 1273-1296.

## Lampiran

- a) Ujian kebolehpercayaan item SPSS

**Reliability Statistics**

Cronbach's Alpha	N of Items
.808	10

b) Ujian kenormalan menggunakan *skewness* dan *kurtosis*

**Descriptive Statistics**

	N	Skewness		Kurtosis	
	Statistic	Statistic	Std. Error	Statistic	Std. Error
A1. Saya tidak pernah menggunakan Powtoon.	128	-.376	.214	-1.426	.425
A2. Saya pernah mencuba menggunakan Powtoon, tetapi masih tidak mahir	128	.472	.214	-1.159	.425
A3. Saya selalu menggunakan Powtoon	128	1.371	.214	1.045	.425
B1. Penggunaan Powtoon untuk pembelajaran adalah idea yang baik.	128	-.418	.214	-.104	.425
B2. Menggunakan Powtoon untuk pembentangan adalah idea yang bijak.	128	-.585	.214	.125	.425
B3. Saya suka menggunakan Powtoon	128	.061	.214	-.246	.425
B4. Saya seronok melihat video-video Powtoon yang dihasilkan	128	.062	.214	-1.335	.425
C1. Saya berhasrat untuk menggunakan Powtoon dalam pembentangan kelas	128	-.329	.214	-.181	.425
C2. Saya akan belajar menggunakan Powtoon	128	-.534	.214	-.078	.425
C3. Saya berhasrat untuk menghadiri bengkel yang mengajar membuat Powtoon.	128	-.585	.214	-.103	.425
Valid N (listwise)	128				